

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 4 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 27

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L15323
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah untuk memperkasakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) sebagai badan yang berkesan bagi memenuhi keperluan sosial warga emas merentas pelbagai lapisan atau strata masyarakat, serta kepelbagaian lokasi seperti bandar - luar bandar dan kawasan kediaman kelas menengah dan masyarakat biasa di negara ini.

2. PN-1543-L15077
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya Kerajaan mempunyai sebarang perancangan untuk mengurangkan bilangan hari cuti am sebagai langkah untuk meningkatkan produktiviti negara.

3. PN-1543-L15118
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan tegas Kerajaan terhadap organisasi Muslim Friendly Watch (MFW) yang telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna Muslim apabila memperkenalkan pengiktirafan Muslim Choice terhadap produk atau premis tertentu.

4. PN-1543-L15399
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan e-invois telah membantu mengatasi ketirisan hasil.

5. PN-1543-L15139
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengembangkan model sekolah komuniti yang berteraskan keterkaitan dan keterangkuman budaya, mesra rimba, serta memberi latihan khusus kepada guru agar pendekatan pembelajaran lebih selaras dengan latar kehidupan dan budaya masyarakat Orang Asli.
6. PN-1543-L14868
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kerajaan menangani isu lambakan graduan dengan memperkukuh nilai graduan, memperkasa TVET serta menyeimbangkan hala tuju pendidikan tinggi mengikut keperluan industri semasa.
7. PN-1543-L14800
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kejayaan utama yang dicapai oleh Malaysia dalam Mesyuarat ASEAN 2025 dari segi dasar, kerjasama ekonomi, keselamatan serantau dan perpaduan ASEAN.
8. PN-1543-L14935
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-
 - (a) apakah langkah mengekang penyebaran berita palsu di media-media sosial yang menjejaskan keharmonian masyarakat; dan
 - (b) apakah langkah sedia ada termasuk undang-undang sedia ada mencukupi dan berkesan dalam menangani masalah ini.
9. PN-1543-L15313
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh mana guru Tadika Perpaduan telah menerima latihan dan persediaan bagi pelaksanaan Kurikulum Baharu Prasekolah KPM 2026, dan apakah strategi yang dirangka untuk memastikan pelaksanaan kurikulum tersebut dapat dijalankan dengan berkesan .
10. PN-1543-L15043
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi diplomasi seimbang yang diamalkan oleh Malaysia dalam menghadapi tekanan geopolitik, khususnya apabila Amerika Syarikat memberikan amaran kepada negara-negara yang ingin menyertai kumpulan BRICS seperti Malaysia.

11. PN-1543-L15523
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan suara belia Orang Asli diwakili dalam Majlis Belia Negara atau platform kebangsaan yang lain.
12. PN-1543-L15370
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan siapakah yang layak memohon dana di bawah Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), dan apakah kriteria kelayakan yang ditetapkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memajukan sektor digital di Malaysia .
13. PN-1543-L15380
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa buah universiti awam yang telah menubuhkan fakulti atau jabatan khusus dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI), berapa jumlah pelajar yang kini mengikuti program tersebut di universiti awam dan swasta, serta apakah perancangan strategik Kerajaan untuk menjadikan Malaysia peneraju pendidikan AI di rantau ini.
14. PN-1543-L15311
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pendirian JAKIM melalui keahlian dalam Jawatankuasa Agensi Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) memandangkan terdapat artis pelawak luar negara yang dikaitkan dengan LGBT dibenarkan masuk ke Malaysia untuk membuat persembahan.
15. PN-1543-L15350
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-undang Pekerja Belia yang bertujuan untuk melindungi dan menggalakkan penglibatan lebih banyak belia sebagai pekerja belia di Malaysia.
16. PN-1543-L15185
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam melindungi wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan di kawasan luar bandar, yang secara relatifnya menghadapi kekangan dari segi akses logistik kepada jabatan-jabatan Kerajaan dan pihak berkuasa berkaitan .

17. PN-1543-L14795

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes penjual dadah yang telah ditahan dan dihukum melalui Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Meradong dan Daerah Sarikei bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025, serta langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak polis bagi membanteras kegiatan penjualan dadah di kawasan tersebut.

18. PN-1543-L15190

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) rancangan membangunkan kemudahan sukan dan program bakat muda di pedalaman Sarawak; dan
- (b) adakah Kerajaan merancang untuk menyediakan satu perkampungan sukan yang lengkap dengan stadium terbuka dan stadium tertutup bagi setiap daerah di Sarawak.

19. PN-1543-L15005

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk mengkaji semula kelayakan sumbangan tunai rahmah (STR) berasaskan median pendapatan kawasan, indeks harga pengguna (CPI) dan kos keperluan asas tempatan.

20. PN-1543-L14994

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi menambah bilangan warden serta kakitangan penyelia asrama di sekolah luar bandar seluruh Sabah, bagi memastikan keselamatan, kebajikan dan pengurusan pelajar asrama berada pada tahap yang memuaskan.

21. PN-1543-L14852

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam mempelbagaikan biasiswa seperti Mybrain sebelum ini atau pembiayaan untuk membantu pelajar pascasiswazah membayar yuran pengajian mereka di universiti awam pada masa ini.

22. PN-1543-L14983

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan ketelusan dan akses awam terhadap dapatan laporan inkues agar keadilan dapat ditegakkan tanpa kelewatan.

23. PN-1543-L15173

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah terdapat kajian dan pertimbangan untuk menyahut saranan Bank Dunia supaya Malaysia menaikkan had usia pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada sekurang-kurangnya 65 tahun; dan
- (b) adakah Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menetapkan umur kelayakan baharu bagi pencen sosial kepada 65 tahun, selaras dengan peningkatan jangka hayat penduduk.

24. PN-1543-L14831

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah inisiatif program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) berjaya membentuk modal insan yang berdaya saing, dan apakah indikator prestasi yang digunakan untuk menilai kejayaannya.

25. PN-1543-L15237

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes individu yang memohon status kebangkrapan secara sukarela dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dan apakah analisis Kerajaan terhadap faktor yang mendorong trend ini.

26. PN-1543-L14832

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah sistem pendidikan kebangsaan disesuaikan dengan keperluan ekonomi hijau dan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi memastikan keselarasan antara kurikulum dan pasaran kerja masa depan.

27. PN-1543-L15375

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis yang telah dikerahkan bagi tugas kawalan keselamatan semasa Sidang Kemuncak ASEAN 2025, senarai pasukan atau unit yang terlibat, serta jumlah perbelanjaan keseluruhan yang digunakan bagi tujuan keselamatan dan kawalan acara tersebut.

28. PN-1543-L14943
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi dalam memperkukuhkan tata kelola urusan pentadbiran Kerajaan serta integriti penjawat awam bagi membanteras atau meminimumkan gejala amalan rasuah di semua peringkat.
29. PN-1543-L15083
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya Malaysia bercadang menerima pakai piawaian dan saranan antarabangsa dikenali sebagai Pasukan Petugas Tindakan Kewangan yang bertujuan menghalang pengubahan wang haram melalui penggunaan syarikat palsu demi membanteras kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan pencambahan.
30. PN-1543-L14713
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak dan khususnya Daerah Saratok dan Kabong di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 2026.
31. PN-1543-L15003
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini berkaitan kajian sistem pilihan raya yang melibatkan perbandingan antara sistem First Past The Post (FPTP) dan Proportional Representation (PR) yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya pada tahun 2012.
32. PN-1543-L14892
Senator Datuk Anna Belle @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha membanteras kes-kes penipuan harga dalam perniagaan makanan basah dan makanan segar yang dijual oleh penjaja kecil seperti yang berlaku di pekan Semporna melibatkan pelanggan pelancong asing yang telah mendapat perhatian ramai pihak di media sosial.

33. PN-1543-L15303

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah mengikut Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang berhadapan dengan kekangan tinggi disebabkan oleh akses jalan tanah merah, kawasan hutan serta keperluan menggunakan bot sehingga November 2025, dan sejauh manakah perkhidmatan fleet kenderaan pacuan empat roda atau bot disediakan di setiap PPD.

34. PN-1543-L15472

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam menyuarakan isu Palestin di peringkat antarabangsa, khususnya selepas kejayaan Perdana Menteri membawa isu Palestin di hadapan Presiden Amerika Syarikat semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47.

35. PN-1543-L15164

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan laporan polis oleh Puan Indira Gandhi berhubung isu bekas suaminya, Muhammad Riduan Abdullah yang didapati telah menggunakan bantuan Kerajaan seperti BUDI95 dan SARA, walaupun Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menekankan bahawa Muhammad Riduan telah melarikan diri ke Thailand.

36. PN-1543-L15458

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tahap pelaksanaan dan pencapaian Pelan Tindakan OKU 2016-2022 serta sama ada Kementerian bercadang memperkenalkan Pelan Tindakan OKU Kebangsaan yang baharu bagi tempoh selepas tahun 2022.

37. PN-1543-L14888

Senator Datuk Anna Belle @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah baki peruntukan yang telah digunakan dalam belanjawan tahun 2025 bagi pembangunan negeri Sabah yang jumlah peruntukan asalnya sebanyak RM6.7 billion; dan
- (b) apakah cadangan pihak Kementerian bagi memastikan dana belanjawan ini dapat diturunkan sepenuhnya pada setiap tahun untuk tujuan pembangunan negeri Sabah.

38. PN-1543-L14770
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca utama kes buli yang kian berleluasa di sekitar perkarangan sekolah yang semakin membimbangkan.
39. PN-1543-L15312
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan tegas Kerajaan terhadap penggunaan istilah seperti 'Muslim Choice' atau 'No Pork' yang semakin berleluasa sehingga menimbulkan kekeliruan kepada orang Islam dan bagaimana Kerajaan memastikan integriti sistem pensijilan halal negara kekal terpelihara.
40. PN-1543-L14766
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi mengawal dan mengendalikan kesihatan mental pelajar yang terjejas.
41. PN-1543-L15457
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha dan perancangan Kementerian dalam memperkukuh penglibatan golongan OKU dalam bidang pendidikan tinggi dan latihan kemahiran, termasuk pengadaptasian model Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) antarabangsa selain dari negara Finland.
42. PN-1543-L15038
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hala tuju dan mekanisme pelaksanaan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 menuju sasaran defisit 3.5 peratus KDNK pada tahun 2026 serta langkah memastikan disiplin fiskal tidak menjejaskan perlindungan sosial dan pertumbuhan ekonomi.
43. PN-1543-L15361
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan menangani masalah liputan internet dan rangkaian 5G di kawasan luar bandar Negeri Sembilan seperti Lenggeng, Kuala Pilah dan Gemas.

44. PN-1543-L15051

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) :-

- (a) tahap persediaan dan pelan tindakan NADMA dalam menghadapi kemungkinan bencana banjir sempena musim monsun timur laut yang semakin tidak menentu; dan
- (b) strategi penambahbaikan jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dirangka bagi memperkukuh keupayaan agensi-agensi penyelamat, penyelarasan logistik bantuan, serta komunikasi risiko kepada masyarakat di kawasan berisiko tinggi.

45. PN-1543-L14859

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan jumlah peruntukan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah-sekolah yang masih lagi rendah agar bersesuaian dengan kenaikan kos barang mentah pada waktu ini.

46. PN-1543-L15119

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha dan perancangan Kerajaan Malaysia bagi terus membela dan mempertahankan nasib penduduk Palestin khususnya di Gaza yang masih terus dizalimi oleh rejim Zionis Israel walaupun dalam tempoh gencatan senjata.

47. PN-1543-L14769

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perencanaan dan pelaksanaan yang dilakukan oleh Kementerian dalam Pelan Pendidikan Masa Depan Malaysia 2026-2036 bagi menjamin mata pelajaran Sejarah terus menjadi mata pelajaran wajib bagi memperkasakan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar.

48. PN-1543-L15046

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis program yang disediakan dalam inisiatif Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta memandangkan Perdana Menteri telah memberi kelulusan untuk melaksanakan 34 program di bawah inisiatif ini.

49. PN-1543-L15442

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Perkhidmatan Guru Besar (PGB) memastikan bahawa perkiraan keselamatan, kesihatan dan persekitaran sekolah adalah bebas daripada risiko kemalangan maut atau cedera, serta sejauh mana Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) NIOSH dijadikan rujukan wajib oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sekolah .

50. PN-1543-L14975

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mewujudkan Akta TVET Nasional bagi mengawal selia serta memperkasa ekosistem cabang pendidikan baharu ini.

51. PN-1543-L14870

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan dan inisiatif yang diambil oleh Kementerian bagi membendung serta menangani isu buli yang semakin membimbangkan di sekolah-sekolah berasrama di seluruh negara.

52. PN-1543-L15332

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah hasil cukai perkhidmatan digital (Service Tax on Digital Services, SToDS) serta bilangan syarikat yang telah berdaftar di bawah cukai tersebut, mengikut pecahan tahun dari 2020 hingga 2025 ; dan
- (b) sama ada kadar cukai berbeza antara penyedia perkhidmatan digital tempatan dan asing menjejaskan pematuhan Malaysia terhadap Artikel 3.1 Perjanjian Timbal Balik (Agreement on Reciprocal Treatment, ART) Malaysia-Amerika Syarikat (AS) yang melarang pelaksanaan cukai digital bersifat diskriminasi terhadap syarikat-syarikat AS.

53. PN-1543-L14923

Senator Puan Tiew Way Keng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan keselamatan data yang dilaksanakan bersama NACSA oleh Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor dalam menangani ancaman keselamatan siber .

54. PN-1543-L14949

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana proses semakan semula terhadap garis panduan dan pelaksanaan kuasa rotan di sekolah, serta status terkini kajian libat urus secara komprehensif bersama pihak berkepentingan yang disebut oleh YAB Perdana Menteri dan bilakah garis panduan baharu akan dimuktamadkan.

55. PN-1543-L15261

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pelaksanaan percetakan satu juta naskhah al-Quran serta agihan naskhah tersebut kepada institusi dan masyarakat Islam di seluruh dunia.

56. PN-1543-L15304

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah dan cadangan yang dirancang untuk meningkatkan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam proses pendidikan negara agar tanggungjawab mendidik serta proses kemenjadian murid dan pelajar memenuhi tidak dibebankan kepada guru dan pihak sekolah semata-mata.

57. PN-1543-L15235

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah pelan transformasi digital seperti Projek *Restart* dan Smart Plantation Management Solution (SPMS) benar-benar memberi kesan positif kepada pengurusan ladang dan kewangan FELDA; dan
- (b) bagaimanakah keberkesanan pelan pemulihan FELDA selepas pelaksanaan Projek *Restart* dan Smart Plantation Management Solution (SPMS).

58. PN-1543-L15278

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah dan tindakan Kerajaan dalam menangani kegiatan jenayah melibatkan pelarian khususnya etnik Rohingya yang menimbulkan kebimbangan serta masalah kepada penduduk tempatan.

59. PN-1543-L15215
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Kerajaan membuat penilaian dan kriteria 200 sekolah berisiko tinggi di seluruh negara yang akan dipasang kamera litar tertutup (CCTV) serta impaknya terhadap persepsi masyarakat.
60. PN-1543-L15291
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan susulan Kerajaan untuk melindungi pengguna Budi95 dan mencegah penyalahgunaan subsidi RON95 berikutan aduan penggunaan minyak cepat habis berbanding sebelum subsidi dan kuantiti sebenar yang diterima lebih sedikit di stesen minyak tertentu.
61. PN-1543-L15132
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) di Negeri Perlis dan sejauh mana ia telah memberi impak kepada rakyat setempat.
62. PN-1543-L14950
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi KPM dalam membenarkan minuman beralkohol dihidangkan semasa acara awam, serta adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dan mengeluarkan garis panduan yang lebih tegas bagi melarang penghidangan alkohol di premis sekolah demi menjaga sensitiviti masyarakat dan kesucian institusi pendidikan.
63. PN-1543-L15231
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan akses subsidi petrol adalah adil kepada rakyat yang tinggal dikawasan pedalaman dan jauh dari stesen minyak, termasuk mempertimbangkan pelaksanaan subsidi berasaskan lokasi atau penyediaan stesen pengedaran komuniti supaya mereka tidak terbeban dengan harga yang lebih tinggi.
64. PN-1543-L15001
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk menggubal suatu akta yang membolehkan tindakan diambil terhadap ahli Dewan Rakyat yang didapati melakukan fitnah semasa persidangan Dewan Rakyat.

65. PN-1543-L15379

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pengambilan pelajar kaum India bagi sesi terkini di Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, serta apakah langkah Kementerian untuk memastikan penyertaan kaum minoriti ini meningkat selaras dengan prinsip merit dan peluang saksama.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 1. (D.R.30/2025) | Rang Undang-undang Perbekalan 2026
– Menyambung semula Perbahasan atas masalah ‘Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang’.

[3 Disember 2025]

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. (D.R.38/2025) | Rang Undang-undang Kewangan 2025

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. (D.R.39/2025) | Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 4. *(D.R.32/2025) | Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 5. *(D.R.33/2025) | Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 6. *(D.R.35/2025) | Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali Yang Kedua |

7. *(D.R.34/2025) Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
8. *(D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
9. *(D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Perpaduan Negara]**
10. *(D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Komunikasi]**
11. *(D.R.41/2025) Rang Undang-undang Antibuli 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
12. *(D.R.42/2025) Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Dalam Negeri]**

13. *(D.R.43/2025) Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Dalam Negeri]**
14. *(D.R.44/2025) Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
15. *(D.R.25/2025) Rang Undang-undang Pembaharuan Semula Bandar 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
16. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.